

25 APR 1996

Masjid - Bosnia

PM LANCAR TABUNG MASJID BOSNIA DI MELAKA

MELAKA, 25 April (Bernama) -- Tabung Pembinaan Masjid Bosnia, yang dicadangkan oleh kerajaan negeri Melaka, dijangka menerima sumbangan sebanyak RM500,000 pada majlis pelancarannya di sini, Jumaat depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan tabung itu di Masjid Negeri Al Azim, di sini, semasa lawatan dua hari beliau ke negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani hari ini berkata sumbangan itu merupakan derma daripada beberapa agensi dan anak syarikat kerajaan negeri dan berharap tabung itu akan dapat mengumpul sebanyak RM1 juta.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas mengadakan lawatan dan meninjau tempat-tempat yang dijadual untuk dilawati Perdana Menteri semasa berada di sini pada Khamis dan Jumaat depan.

Hasil kutipan tabung itu akan digunakan untuk membiayai pembinaan sebuah masjid di Bosnia-Herzegovina, yang akan bercirikan rekabentuk Masjid Negeri Al Azim.

"Pembinaan masjid itu adalah sumbangan kerajaan negeri dan rakyat Melaka kepada umat Islam Bosnia-Herzegovina," katanya dan menambah jika sumbangan yang diperolehi kelak melebihi RM1 juta, kerajaan negeri akan menimbangkan untuk pembinaan sebuah masjid lagi di negara itu.

Mohd Zin berkata beliau berpuas hati dengan persiapan dan program yang telah disusun sempena lawatan Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ke Melaka.

Mengikuti aturcara lawatan itu, sejeurus tiba di Melaka, Perdana Menteri dijadualkan melancarkan projek Pulau Melaka di Bandar Hilir. Projek itu adalah projek pembangunan pertama di sini yang merangkumi kerja-kerja penambakan pulau bagi pembinaan kompleks komersil, perumahan, marina dan pusat peranginan.

Dr Mahathir kemudian akan berlepas ke Lendu dekat Alor Gajah untuk merasmikan Institut Teknologi MARA Melaka sebelum melancarkan Program Gerak Mesra peringkat negeri di Bukit Sedanan, Jasin.

Jamuan Mesra Perdana akan berlangsung di sebelah malam di kediaman Ketua Menteri manakala keesokannya, Dr Mahathir akan merasmikan acara pecah tanah Bangunan Yayasan Belia Dunia (WYF) di Air Keroh dan melancarkan Kelab Penerbangan 4B Malaysia di Lapangan Terbang Batu Berendam.

Sebelum berlepas balik ke Kuala Lumpur, Dr Mahathir akan menunaikan fardhu Jumaat di Masjid Al Azim sebelum menyertai jemaah pada majlis jamuan makan tengahari. -- BERNAMA

NO NAK